

## Peniaga Kedai Kopi Terima Bantuan Kewangan

Oleh : Nur Najwa Zulkflee, 1182700



ADUN Gaal, Mohd Rodzi Jaafar (kanan) menyerahkan cek bantuan IKS kepada salah seorang peniaga kedai kopi.

PASIR PUTEH – Seramai 187 peniaga kedai kopi mendapat bantuan kewangan untuk meneruskan semula perniagaan selepas terjejas sepanjang tempoh pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Gaal di sini, semalam.

Bantuan Industri Kecil Sederhana (IKS) Modal Skim Bina Usahawan 2020 membabitkan peniaga kedai kopi disalurkan sebanyak RM350 sehingga RM1,000 bagi membolehkan peniaga yang terjejas membuka semula kedai kopi yang diusahakan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gaal, Mohd Rodzi Jaafar berkata Kerajaan Negeri memperuntukkan bantuan sebanyak RM50,000 untuk diagihkan kepada peniaga kedai kopi.

Menurutnya, kebanyakan mereka menjual air minuman, kuih muih dan nasi berlauk kehilangan modal kerana terpaksa menutup perniagaan selian menghadapi masalah kurang pelanggan akibat penularan wabak Covid-19 sebelum ini.



Mohd Rodzi Jaafar (kanan) menyerahkan cek bantuan kepada pekedai kopi disaksikan oleh Penghulu Mukim Telosan, En Safie Jusoh.

“Mereka juga menarik nafas lega apabila kelonggaran boleh makan semeja sudah dibenarkan oleh kerajaan berbanding dahulunya mereka sering kehilangan pelanggan disebabkan ruang kedai yang terhad,” katanya.

“Bantuan ini diberikan secara berperingkat-peringkat sejak September lalu dan jumlahnya bergantung kepada modal yang diperlukan serta tidak melebihi RM1,000. Terdahulu bantuan diagihkan kepada 55 penerima yang layak menerima bantuan tersebut,” katanya.



Mohd Rodzi Jaafar (kiri) menyerahkan cek bantuan IKS kepada salah seorang peniaga kedai kopi dari Kampung Gong Datok, di sini semalam.

“Bantuan yang sama turut diagihkan kepada peniaga gerai yang dikenal pasti terkesan sewaktu PKP baru-baru ini,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan bantuan modal kepada peniaga terbabit di pusat khidmat rakyat (DUN) Gaal.

KOMEN: Boleh Siar